

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 6/2021**

**DEKAN/PENGARAH/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/HOSPITAL PENGAJAR/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMBAYARAN SEMULA CAJ UJIAN SARINGAN COVID-19 KEPADA STAF DAN PELAJAR UKM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MJPU) Bil. 3/2021 bertarikh 16 Februari 2021 telah bersetuju meluluskan pembayaran semula caj Ujian Saringan COVID-19 kepada staf dan pelajar UKM **berkuat kuasa 1 Mac 2021 (Isnin)**.

3. Keputusan pembayaran semula caj ujian saringan COVID-19 ini dibuat setelah pihak pengurusan Universiti mempertimbangkan dengan penuh teliti justifikasi seperti berikut:

- 3.1 sebelum ini proses saringan bagi individu berisiko yang telah dikenal pasti di dalam kampus dikendalikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kos tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pihak KKM. Walau bagaimanapun, disebabkan bilangan kes yang mendadak bagi tempoh kebelakangan ini, pihak KKM menghadapi kekangan untuk menjalankan ujian saringan tersebut dalam tempoh yang singkat. Kelewatan proses mengenal pasti status COVID-19 bagi kontak rapat telah memberi kesan terhadap pengendalian kes-kes berisiko di dalam kampus dan menjejaskan operasi Pusat Tanggungjawab (PTj) serta memberi sedikit tekanan kepada individu yang terpaksa menjalani kuarantin sendiri dalam tempoh yang panjang;
- 3.2 beberapa agensi telah mensyaratkan pelajar untuk mengambil Ujian COVID-19 sebelum mereka menjalani Latihan Industri; dan
- 3.3 Sebagai alternatif, staf dan pelajar boleh menjalani ujian saringan di fasiliti UKM seperti Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI) serta klinik swasta bagi memperoleh keputusan ujian dengan lebih cepat namun kos adalah ditanggung sepenuhnya oleh mereka. Pihak pengurusan amat prihatin mengenai perkara ini dan berharap usaha untuk pembayaran semula caj ujian tersebut dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh staf dan pelajar terutama mereka yang kurang berkemampuan.



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



4. Sehubungan itu, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh staf dan pelajar, pihak pengurusan telah bersetuju meluluskan pembayaran semula caj Ujian Saringan COVID-19 yang **berkuat kuasa 1 Mac 2021 (Isnin)** melalui kaedah tuntutan pembayaran semula seperti berikut:

4.1 Kaedah tuntutan pembayaran bagi staf:

- a. Staf yang berisiko akan menjalani penilaian risiko bagi menentukan status risiko jangkitan hanya bagi **kes yang diarahkan atau yang diperakukan** oleh Pegawai Perubatan dari Pusat Kesihatan Universiti (PKU) atau HCTM atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) sahaja;
- b. Selepas disahkan sebagai individu berisiko, individu tersebut perlulah menjalani Ujian Saringan Diagnostik COVID-19 yang ditetapkan di HCTM atau UMBI atau klinik swasta yang terdekat;
- c. Staf dibenarkan membuat tuntutan bagi kos ujian saringan tersebut dengan melengkapkan Borang Tuntutan Bayaran Ujian Saringan COVID-19 seperti di **Lampiran A**, bukti pembayaran serta salinan keputusan saringan yang disahkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Perakuan Pegawai Perubatan dari PKU, UKM atau HCTM atau PKD bagi tujuan tuntutan ini hendaklah dilampirkan bersama borang tuntutan tersebut;
- d. Kos tersebut akan ditanggung oleh PTJ yang berkenaan. Bagi saringan yang dibuat di HCTM atau UMBI, caj antara jabatan boleh dilaksanakan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan;
- e. Pembayaran semula dihadkan kepada RM150.00 bagi setiap ujian saringan dan maksimum tiga (3) kali tuntutan sahaja (sekiranya perlukan ujian saringan ulangan); dan
- f. Tanggungan atau waris kepada staf adalah tidak ditanggung.

4.2 Kaedah tuntutan pembayaran bagi pelajar:

- a. Pelajar yang berisiko akan menjalani penilaian risiko bagi menentukan status risiko jangkitan hanya bagi **kes yang diarahkan atau diperakukan** oleh Pegawai Perubatan dari PKU atau HCTM atau PKD sahaja;
- b. Selepas disahkan sebagai individu berisiko, pelajar tersebut perlulah menjalani Ujian Saringan Diagnostik COVID-19 yang ditetapkan di HCTM atau UMBI atau klinik swasta yang terdekat;
- c. Pelajar dibenarkan membuat tuntutan bagi kos ujian saringan tersebut dengan mengemukakan bukti pembayaran serta salinan keputusan saringan yang disahkan kepada Unit Kebajikan, Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM). Kos tersebut akan ditanggung melalui Tabung Endowmen Bantuan Pelajar (TEBP), HEP-UKM. Bagi saringan yang dibuat di HCTM atau UMBI, caj antara jabatan boleh dilaksanakan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan;



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

- d. Pembayaran semula dihadkan kepada RM150.00 bagi setiap ujian saringan dan maksimum tiga (3) kali tuntutan sahaja (sekiranya perlukan ujian saringan ulangan); dan
- e. Tanggungan atau waris kepada pelajar adalah tidak ditanggung.
- 4.3 Carta alir pembayaran semula caj ujian saringan COVID-19 adalah seperti di **Lampiran B**;
- 4.4 Tuntutan hanya boleh dibuat bagi ujian saringan COVID-19 yang dibuat **pada atau selepas 1 Mac 2021**; dan
- 4.5 Hanya tuntutan tahun semasa dan tidak melebihi tempoh enam (6) bulan dari tarikh resit sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, bagi tuntutan yang dibuat pada akhir tahun Disember boleh diperakukan untuk kelulusan sehingga bulan Januari tahun berikutnya sahaja.
5. Sehubungan itu, sukacita pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, dapat memaklumkan perkara ini kepada semua staf dan pelajar di bawah seliaan masing-masing. Pegawai berikut boleh dihubungi jika terdapat sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut yang diperlukan mengenainya;


- 5.1 Dr. Mohd Azman Abas  
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti  
di talian: 016-6654442 / e-mel: drazman@ukm.edu.my
- 5.2 Encik Zaidi Mohd Noor  
Ketua Penolong Pendaftar/Ketua  
Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar  
di talian: 03-8921 5075 / e-mel: bpk@ukm.edu.my
- 5.3 Encik Mohd Zaili Mohd Nor  
Penolong Pendaftar Kanan  
Unit Kebajikan  
Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)  
di talian: 03-8921 3229 / 011-12309067 (talian *hotline*) / e-mel: mzaili@ukm.edu.my

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'**

Yang benar,



**DR. HJH. INA MD YASIN**  
Pendaftar



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
  - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
  - Ketua Penolong Pendaftar/Ketua Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar
  - Penolong Pendaftar Kanan Unit Kebajikan Pusat Hal Ehwal Pelajar



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)